

Harapan PM

u.m m/s | 22.5.07

Untuk melihat mutu perkhidmatan terbaik, yang setimpal dengan kenaikan gaji. Gunakanlah peluang ini untuk terus meningkatkan produktiviti serta mutu perkhidmatan kepada rakyat.

■ Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi

Reaksi mereka

Kita berpuas hati, kita rasa paling gembira atas apa yang diumumkan oleh PM.

Memang pengumuman bersejarah dan yang terbaik.

■ Presiden CUEPACS,
Omar Osman

Kenaikan ini dapat membantu keluarga di kampung. Kalau dulu hendak beri duit kepada ibu bapa dan adik-beradik pun kena berkira-kira, dengan kenaikan ini ia tidak menjadi masalah lagi.

■ Konstabel Mohd. Azim Angsar, 21, dari Balai Polis Lebuhr Pantai, Pulau Pinang

Saya bersyukur apabila kerajaan turut menaikkan COLA 100 peratus. Saya ada anak ramai, 12 orang, gaji dulu pun cukup 20 hari saja (untuk satu bulan). Tapi sekarang okeylah gaji sudah naik, boleh simpan duit sikit.

■ Raja Kumari Sekalingam, 50, Pembantu Kesihatan di Hospital Kuala Lumpur